

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

NAMA :

TARIKH :

KELAS :

HARI :

Leretkan perkataan yang sesuai dengan jawapan yang betul.



Rukun Tetangga

motosikal	logo	lampu suluh
jaket	jadual	Bilik
penduduk	perumahan	

Rukun Tetangga ialah pasukan sukarela yang ditubuhkan untuk membantu menjaga keselamatan penduduk setempat. Rukun tetangga diwujudkan di setiap tempat tinggal seperti kawasan _____. Anggotanya terdiri daripada semua _____. Mereka mengawal tempat tinggal secara bergilir-gilir mengikut _____ yang disediakan.

Setiap kawasan atau sektor rukun tetangga yang mengendalikan Skim Rondaan Sukarela perlu mempunyai sebuah pusat rondaan sebagai pusat operasi. _____ rukun tetangga atau dewan orang ramai biasanya dijadikan pusat rondaan.

Anggota rukun tetangga membawa peralatan seperti set walkie talkie, _____ dan kayu semasa pergi meronda.

Mereka juga perlu memakai _____ keselamatan yang menggunakan _____ rukun tetangga.

Tugas rondaan terbahagi kepada dua kategori, iaitu rondaan berjalan kaki dan rondaan berkenderaan. Rondaan berkenderaan boleh dilaksanakan sama ada menggunakan kereta, _____ atau basikal.